

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI  
BINTI SAMSUDIN [ MASJID TANAH ]**

**TARIKH : 2 JULAI 2019 [ SELASA ]**

**SOALAN NO. 65**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk membanteras sindiket haram yang berleluasa mengenakan caj kepada pengguna di tempat letak kereta awam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Pihak Berkusa Tempatan (PBT) telah mengambil tindakan untuk membanteras sindiket haram yang mengenakan caj kepada pengguna di tempat letak kereta awam melalui langkah-langkah seperti berikut:
  - (i) Menempatkan anggota penguat kuasa untuk melakukan kawalan statik, pemantauan dan menjalankan rondaan kerap

di lokasi dikenal pasti bagi mengelak sindiket itu berlaku selain menghalau mereka;

- (ii) Memasang papan tanda larangan mengutip duit parkir dan memberi duit kepada ulat parkir atau sindiket parkir haram di beberapa lokasi tumpuan;
- (iii) Mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap sindiket haram parkir melalui Undang-undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian di PBT manakala bagi mereka yang mengutip wang secara haram daripada pemilik kenderaan (ulat parkir) boleh didakwa mengikut Seksyen 50(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987 sebelum dihadapkan ke mahkamah serta dijatuhi hukuman denda RM300 oleh Mahkamah Majistret jika mengaku bersalah; dan
- (iv) Mengadakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu (terhadap sindiket haram parkir dan terhadap ulat parkir) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK); dan
- (v) Memohon kerjasama orang ramai agar membuat aduan sekiranya diugut oleh ulat parkir kepada PBT dan PDRM supaya tindakan segera dapat diambil.

Sekian, terima kasih.